



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)
DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1 Jun 2009

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan bahawa sehingga jam 8.00 pagi, 1Jun 2009, Bilik CPRC Kebangsaan telah menerima notifikasi sebanyak empat (4) kes yang dimasukkan ke wad isolasi di tiga (3) buah Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan. Kesemu kes tersebut telah disahkan negatif influenza A(H1N1). Sehingga kini sebanyak 345 kes telah dimasukkan ke wad isolasi untuk penyiasatan dimana 343 disahkan negatif dan dua (2) disahkan positif. Dua (2) kes yang positif adalah seperti yang dilaporkan pada pada 15 dan 16 Mei 2009 yang lalu.

Sehingga jam 8.00 pagi, 1Jun 2009, terdapat seramai 11 kontak masih dalam kuarantin (home quarantine) dan semua dalam sihat tanpa gejala jangkitan influenza A(H1N1). Seorang(1) kontak kes Singapura akan tamat tempoh kuarantin pada hari ini, dan 6 kontak kes Singapura lagi akan tamat kuarantin pada 2 Jun 2009. Selebihnya, iaitu 4 adalah kontak kepada kes di Hong Kong, dimana 2 akan tamat kuarantin pada pada 4 Jun 2009 dan 2 akan tamat pada 5 Jun 2009.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan, sehingga 1 Jun 2009, jam 8.00 pagi, satu (1) negara baru telah melaporkan kejadian influenza A(H1N1) iaitu Veitnam dengan satu (1) kes menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 56 negara dengan jumlah terkumpul kes sebanyak 17,134 termasuk 115 kematian. Pertambahan kes sebanyak 62 kes berbanding hari sebelumnya, dan tiada kematian baru. Taburan 62 kes baru ini adalah Vietnam(1), Australia(43), China Mainland(5), Taiwan(2), Filipina(10) dan Singapura(1).

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, seramai 9,161 individu yang tiba dari negara terbabit telah disaring dan hanya 1 orang sahaja yang didapati perlu dirujuk ke hospital untuk pemeriksaan lanjut. Pecahan jumlah saringan tersebut adalah, 3,067 (33.5%) orang disaring di pintu masuk udara, 1,955 (21.3%) di pintu masuk laut dan 4139 (45.2%) di pintu masuk darat. Untuk makluman, jumlah terkumpul penumpang yang disaring di semua pintu masuk sejak 24 April 2009 adalah berjumlah 297,470 orang di mana 229,963 (77.3%) disaring di pintu masuk udara, 18,306 (6.2%) di pintu masuk laut dan 49,201 (16.5%) di pintu masuk darat. Daripada jumlah tersebut, 59 orang telah dirujuk ke Hospital Rujukan influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan.

Setakat ini, bilangan kes yang dilaporkan di Malaysia hanya berjumlah dua (2) orang, iaitu pada 15 dan 16 Mei 2009 yang merupakan kes import daripada Amerika Syarikat. Tiada penularan tempatan (local transmission) influenza A(H1N1) di Malaysia.

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin menasihati orang ramai agar sentiasa mengambil langkah-langkah penjagaan kebersihan diri

masing-masing. Ini termasuklah mengamalkan etika batuk (cough etiquette) dengan baik, iaitu menutup mulut dengan sapu tangan atau tangan sendiri ketika batuk dan bersin. Seterusnya, membasuh tangan dengan sabun dan air selepas batuk dan bersin.

Selain itu, orang ramai yang mengalami batuk dan selesema juga dinasihati agar memakai topeng muka jenis 'three ply' untuk mengelak jangkitan kepada orang lain, terutamanya ketika berada di tempat yang sesak dengan orang ramai. Mereka yang mengalami demam, batuk dan selesema dinasihati agar tidak melakukan perjalanan keluar negara atau dari luar negara untuk pulang ke Malaysia, bagi mengurangkan risiko jangkitan pernafasan kepada orang lain.

Kementerian Kesihatan Malaysia juga ingin memaklumkan bahawa negara Malaysia adalah bebas daripada penularan influenza A(H1N1) dan oleh itu, pelawat-pelawat luar negara dan juga penduduk Malaysia tidak perlu bimbang kerana negara ini selamat daripada jangkitan influenza A(H1N1). Pada masa yang sama, Kementerian ini ingin menasihati orang ramai agar sentiasa mengambil perhatian terhadap situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari masa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 1 Jun 2009